

22/02/2004

Dia Suryo Paloh, bukan Pavarotti atau Thaksin

Karim Raslan

TENGAH hari rembang pada Khamis 12 Februari lalu menyaksikan golongan elit politik Indonesia `keributan' dan bercelaru setelah menerima kejutan. Kes rasuah Akhbar Tanjung akhirnya sampai ke titik penentuan, setelah bertahun-tahun menanti dan berkali-kali ditangguhkan.

Keputusan mahkamah disiarkan secara langsung di televisyen kebangsaan, dipancarkan terus dari Mahkamah Tinggi, di hadapan Istana Presiden di Jalan Merdeka Utara, Jakarta. Ternyata penghakiman maraton selama tujuh jam itu amat kompleks namun keputusan hakim memihak kepada Speaker Parlimen berusia 58 tahun itu. Maka Akhbar, yang sering berubah-ubah itu, pasti kekal memainkan peranan utama di pentas politik negaranya dan calon utama dalam pemilihan Presiden yang buat julung kalinya dijalankan secara terus.

Di sebuah hotel di Semanggi berhampiran Jalan Sudirman yang sesak dengan lalu lintas, seorang lagi calon Presiden dari parti Akhbar, Golkar, sedang mengadakan sidang akhbar untuk mengulas keputusan itu.

Sekali pandang dia `saling tak tumpah' Luciano Pavarotti. Gaya dramatik serta mata redup dan dalam yang tanpa berhenti-henti mengamati bilik, yang dimiliki penyanyi opera itu turut dipunyai lelaki ini. Beliau lelaki yang sentiasa ingin menjadi tumpuan mata biar di mana-mana beliau berada. Apabila bertutur, suara bernada bariton yang penuh yakin apabila berkata-kata itu menyerlahkan lagi keterampilan gagahnya.

Beliau agak tinggi berbanding kebanyakan orang Indonesia, berjambang dan bertubuh gempal. Tetapi, biarpun bertubuh gempal, dia tetap lincah dan kelihatan begitu bertenaga. Dia tampak kemas, rapi dan dengan gaya amat bersahaja dia memperagakan jam tangan Bulgari yang mahal dengan set kabling yang sepadan.

Namun begitu bagi Surya Paloh, taikun media berusia 52 tahun yang berasal dari Aceh ini, wang bukanlah lagi satu-satunya obsesi yang memacunya. Segala bentuk kemewahan yang mengiringi kekayaan - pembantu yang sentiasa siap sedia menjalankan arahannya, pelbagai limousin dan jet peribadi yang kononnya pernah menjadi kepunyaan kerabat diraja Britain - sudah diperolehnya.

Sebagai salah seorang calon yang bersaing untuk menjadi calon parti Golkar yakni parti mantan Presiden Suharto, kini Surya Paloh melangkah ke dalam arena yang jauh berbeza baginya. Demi mendapatkan kuasa, hartawan ini terpaksa menjangkau melampaui kepompong kemewahannya. Nampaknya beliau berjaya melakukannya dengan baik.

Surya hidup dan bekerja di tengah-tengah kancah kemiskinan namun empayar perniagaannya (beliau memiliki Media Indonesia, syarikat akhbar harian yang kedua terbesar serta saluran televisyen Metro TV) tetap tidak menghalang malah membantu karier politik beliau. Tidak hairanlah jika beliau mempergunakan media kepunyaannya untuk kepentingan diri - memang tubuhnya yang agam kerap terpapar di dada akhbar kepunyaannya.

Pendekatan beliau yang dinamik dan selalu `bisa saja, tanggung beres' itu memang segar malah mempesonakan warga biasa Indonesia. Perbicaraannya penuh ghairah bak penceramah motivasi: "Kita perlu mengubah cara pemikiran rakyat. Kita mesti pastikan hubungan antara risiko dan ganjaran lebih baik. Semuanya ini perlukan disiplin diri dan usaha. Saya mahu penyertaan yang lebih banyak daripada masyarakat. Undang-undang dan peraturan kita juga perlu lebih dihormati. Rakyat harus diberikan teladan dan dipimpin."

Pada waktu yang sama, pasukan beliau dengan senyap-senyap membuat

perbandingan dengan Thaksin dari Thailand dan Berlusconi dari Itali - dua lagi taikun media yang menjadi pemimpin negara. Komen-komen itu dibisikkan dengan penuh erti seolah-olah rujukan dan kaitan tersebut akan menjadi kenyataan suatu hari kelak.

Pemahamannya terhadap isu ekonomi amat baik. Dunia dilihatnya dari kaca mata dan keghairahan seorang usahawan: "Negara ini dalam keadaan yang amat teruk. Kita perlu bertindak. Kita mesti beranjak dari takuk lama. Ekonomi kita perlu berkembang sekurang-kurangnya 6 peratus setahun. Hubungan kita dengan China harus dipertingkatkan - pasaran mereka besar, teknologi mereka maju dan yang paling penting kita ada masyarakat etnik Cina yang dinamik: kita perlu gunakan mereka sebagai jambatan untuk menjabat tangan si naga."

Namun begitu, keputusan mahkamah tinggi membantutkan perjalanan politik beliau. Walaupun beliau cuba dengan sedaya upaya untuk bersikap positif dan ceria beliau tidak dapat lari daripada kerumitan yang timbul akibat keputusan mahkamah itu. Hakikatnya, Akbar Tanjung, pemimpin Golkar itu kini bebas untuk merampas pencalonan parti, lantas mematahkan langkah Surya Paloh: "Saya tidak putus asa. Saya akan bekerja lebih keras. Memanglah saya tidak gembira dengan keputusan itu tapi apa yang boleh saya buat? Bukankah itu keputusan mahkamah tertinggi negara ini?"

Surya Paloh ahli politik yang beracukan Clinton, yang mahu anda menyukai beliau dan akan sentiasa berusaha ke arah itu. Apabila diwawancara, beliau akan menepuk lengan anda beberapa kali kerana beliau mahu anda betul-betul faham apa yang beliau maksudkan - apa yang beliau ingin katakan. Kerana itulah beliau akan menahan anda daripada mengambil nota. Calon ini tidak akan puas selagi anda tidak menyukainya. Baginya, berkempen usaha yang begitu serius - dia sanggup memenangi dan nenawan seorang demi seorang.

Bagi sesiapa yang sering memerhatikan Presiden Megawati Sukarnoputri dengan sikapnya yang terlalu bersifat kejawaan, tidak berterus terang lagi sangat pemalu, personaliti Surya yang periang dan terbuka adalah suatu kejutan yang menyenangkan. Keghairahannya yang mudah berjangkit dan terasa dengan segera itu bagaikan sifat yang asing bagi warga Indonesia.

Semakin hampir tarikh pemilu (pilihan raya) Indonesia 2004, pemilihan presiden negara itu yang julung-julung kalinya diadakan secara langsung berjaya menarik bakal-bakal calon yang berbagai rupa untuk bertanding. Pada waktu yang sama, Hermien Kleden, seorang editor majalah Tempo menghuraikan: "Emosi penuh kegembiraan yang melanda lantas melancarkan Ibu Mega ke tampuk kekuasaan telah tiada kini. Rakyat Indonesia mendambakan seseorang yang boleh bekerja keras, berpengalaman dan berwibawa."

Pendek kata puteri politik itu kini terdedah dan mudah terjejas. Kali ini, beliau tidak akan menang atas berdasarkan `undi simpati'. Biarpun Ibu Mega masih lagi disukai ramai, populariti beliau merudum akibat kesuraman rekod pemerintahannya dan beliau terkenal dengan sikapnya yang berdolak-dalik. Lantaran itu lawan beliau (antaranya termasuk rakan dan sekutunya) tercium peluang dan sedang berikhtiar untuk menggantikan beliau.

Meskipun begitu, Surya Paloh bukanlah calon yang disebut-sebut akan menang. Beliau juga tidak semestinya berada dalam kelompok yang mendahului. Namun penganalisis politik seperti Meidyatama Suryodiningrat berasa kagum dengan kempenya yang profesional: "Beliau bermula dengan awal dan telah mengumpulkan pasukan yang kuat. Beliau menggunakan setiap kaedah Barat dan membuat bising."

Walaupun taikun media ini popular di kalangan kelas pertengahan, masih diragui sama ada namanya dikenali di luar bandar. Malah ada beberapa tokoh lain yang juga agresif dan profesional dalam kempen mereka, antaranya bekas jeneral Wiranto dan Susilo Bambang Yudoyhono, ahli perniagaan Yusoff Kalla dan Aburizal Bakrie.

Mungkin Surya Paloh akan lenyap daripada landskap politik. Tentunya bila itu berlaku, beliau akan mengundur diri dan menumpukan semula perhatiannya terhadap perniagaannya. Namun begitu pencalonannya dan kejayaan kempennya mengejutkan dan menunjukkan betapa rakyat Indonesia semakin kecewa dengan golongan politik sedia ada. Negara itu enggan berulang lagi lima tahun yang lesu, gersang aktiviti tetapi sarat dengan rasuah.

Editor Kompas, akhbar harian yang amat berpengaruh, Suryapratomo, memberikan amaran: "Sekiranya pentadbiran yang akan datang gagal untuk memperbaiki tahap kehidupan saya khuatir rakyat akan bertindak balas dengan hebat terhadap demokrasi."

Rakyat Indonesia mahukan pemimpin yang bertenaga, penuh idea dan berkebolehan menangani kemelut. Mereka dambakan pemimpin seperti Thaksin atau Mahathir. Retorik dan protokol semata-mata tidak akan memuaskan hati rakyat lagi: Ibu Mega dan Akbar Tanjung tiada pilihan kecuali akur kepada kehendak rakyat.